

MAHATHIR-TAKLIMAT

1979

KANGAR, 2 DIS. (BERNAMA) — KERAJAAN NEGERI HARI INI DISYORKAN SUPAYA MENGUSAHAKAN TANAMAN POKOK JATI DAN ROTAN DI TANAH-TANAH TERBIAR DI PINGGIR SEMPADAN PERLIS-THAI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MEMANDANGKAN TANAH NEGERI INI DIDAPATI SESUAI DENGAN TANAMAN JATI USAHA SECARA BESAR-BESARAN HENDAKLAH DIJALANKAN UNTUK MEMAJUKAN TANAMAN TERSEBUT.

KATANYA, KAJIAN JUGA HENDAKLAH DIBUAT KE ATAS KEMUNGKINAN MENANAM ROTAN YANG BOLEH DIGUNAKAN UNTUK PERUSAHAAN MEMBUAT PERABUT BAGI MENAMBAH HASIL PENDAPATAN RAKYAT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN SELEPAS MENDENGAR TAKLIMAT DI BILIK GERAKAN NEGERI DI SINI MENGENAI PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN DI NEGERI INI YANG TELAH DISAMPAIKAN OLEH KETUA-KETUA JABATAN KERAJAAN.

BELIAU MENYATAKAN RASA PUAS HATI DI ATAS KEMAJUAN YANG TELAH DICAPAI WALAUPUN NEGERI INI MASIH DIANGGAP SEBAGAI SALAH SEBUAH NEGERI YANG MUNDUR.

BELIAU BERKATA, KEMAMPUAN KERAJAAN UNTUK MEMBEKALKAN ELEKTRIK DAN AIR KERADA 80 PERATUS PENDUDUK NEGERI INI SETAKAT INI ADALAH SANGAT MEMBANGGAKAN.

USAHA TERSEBUT HENDAKLAH DITERUSKAN BAGI MEMBOLEHKAN SETIAP RUMAH MENIKMATI BEKALAN ELEKTRIK DAN AIR DALAM RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT NANTI. — BERSAMBUNG 1833/LK

MAHATHIR-TAKLIMAT 2 KANGAR

TIMBALAN PERDANA MENTERI JUGA MENGGESA SUPAYA RANCANGAN BUKU HIJAU DIPERGIATKAN LAGI DENGAN MENGGALAKKAN RAKYAT MENANAM BAHAN-BAHAN MAKANAN YANG BERHASIL.

MENGENAI KEMUDAHAN PERNIAGAAN, BELIAU MENYATAKAN HARAPAN SUPAYA LEBIH BANYAK GERAI-GERAI DIDIRIKAN DI PEKAN-PEKAN DAN KAMPUNG-KAMPUNG UNTUK PENIAGA-PENIAGA KECIL.

DENGAN CARA INI RAKYAT AKAN DAPAT MENYUKAI HASIL PENDAPATAN DAN MENINGGAKAN TARAF HIDUP MEREKA. — PERNAMA 1979/